



MUQADIMAH

YANG BERHORMAT

DATO SERI SETIA Ir. AWANG HAJI SUHAIMI BIN HAJI GAFAR

MENTERI PEMBANGUNAN

MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL KEMAHIRAN

ARMECS BRIDGING PROGRAMME 1.0

pada:

Hari Isnin, 12hb. April, 2021

bertempat:

Dewan Indera Pahlawan
Bangunan Divisyen ABCi, Kementerian Pembangunan

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَئْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
سَيِّدُنَا مُحَمَّدٌ عَلَى الْهُوَصْبَرِيَّةِ أَجْمَعِينَ

Yang Mulia, Dato Seri Paduka Arkitek Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin,
Timbalan Menteri Pembangunan.

Yang Mulia, Datin Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd Salleh,
Timbalan Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Arkitek Siti Rozaimeriyanty Dato Seri Laila Jasa Haji Abd Rahman, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, selaku Pengerusi Bersama Majlis.

Yang Mulia, Ir. Awang Haji Amer Hishamuddin Bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria, Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional) yang juga selaku Pengerusi Bersama Majlis

Yang Mulia Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua Pengarah, Pengarah-pengarah, Pegawai-Pegawai Kanan, para ibu bapa peserta ARMECS program, para pelatih-pelatih ARMECS program serta hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Selamat Pagi

1. Alhamdulilah, saya bersyukur kehadrat Allah Subahanahu Wata'ala kerana dengan limpah dan rahmatnya jua telah mengizinkan kita semua bersama berhimpun di majlis pagi ini, iaitu Majlis Penyampaian Sijil Kemahiran (*Certificate of Achievement*) kepada para pelatih ARMECS Bridging Program 1.0.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Pengurus dan ahli-ahli Jawatankuasa kerana menjemput saya hadir di Majlis ini selaku Tetamu Kehormat untuk meraikan kejayaan para pelatih yang telah menjalankan latihan ARMECS Bridging Program yang pertama.

Saya sentiasa mengikuti perkembangan program ini dan program-program '*local employment*' lain yang dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan dan MISC Construction bagi mendokong *Manpower Planning and Employment Council, MPEC*.

3. Oleh itu, saya sangat berbangga dengan pencapaian para pelatih yang diraikan dan ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kerana telah berjaya menamatkan latihan ARMECS Bridging Program pengambilan pertama ini. Dengan adanya latihan, tunjuk ajar dan pengalaman yang telah didedahkan kepada para pelatih oleh pihak profesional yang cukup berpengetahuan dan berpengalaman, maka setiap graduan dari program ini telah di lengkapi dengan '*tools and knowledge*' untuk bertugas sebagai *supervisors* dan *drafters* dalam industri pembinaan. Alhamdulillah, saya juga difahamkan bahawa ada beberapa pelatih yang sudah diambil bekerja dengan syarikat-syarikat konsultan dan kontraktor.

4. *Manpower Planning and Employment Council* (MPEC) dan Kementerian Pembangunan sentiasa memberi sokongan kepada Jawatankuasa MISC in Construction, untuk terus menjalankan program-program seperti ini, untuk memberikan peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan dalam industri pembinaan yang menyediakan peluang yang luas dan sangat diperlukan bagi '*nation building*'.
5. Saya penuh percaya, kejayaan *ARMECS Bridging Program* ini akan dapat memberikan suntikan semangat kepada para pelatih, syarikat-syarikat dan pegawai-pegawai yang lain serta penuh berharap bahawa kaedah-kaedah program ini akan berjalan dengan lancar.
6. Para Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian. Kementerian Pembangunan terus komited kepada peningkatan penglibatan pekerja tempatan dalam industri pembinaan, seperti yang termaktub dalam *Policy Framework* Kementerian Pembangunan 2018-2023. Dalam hal ini, pihak Kementerian akan menjalankan *mid-term review* untuk meneliti dan mengkaji kejayaan dan sebaliknya, serta merangka strategi-strategi baru untuk mencapai sasaran-sasaran yang diharapkan.
7. Kementerian Pembangunan juga sedang merangka strategi untuk pembangunan industri pembinaan di negara ini, dengan mengambil kira perkembangan dari segi teknologi selaras dengan *Industrial Revolution 4.0* yang akan membawa perubahan kepada cara kita bekerja. Isu '*the future of work*' adalah satu topik yang hangat dalam perbincangan seluruh dunia, dan jika kita tidak bersedia, maka kita akan ketinggalan dan mengalami kerugian disebabkan pekerja tempatan yang tidak mempunyai pengetahuan dan *skillsets* yang diperlukan.

8. Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan telah menyediakan perancangan dalam penggunaan teknologi, dengan pelancaran dokumen *MOD Digital Paradigm 2020-2025* yang bertujuan untuk 'fast track' penggunaan '*smart digital solutions*' bagi pemberian perkhidmatan dan penyediaan '*smart infrastructure*'. Ini, termasuklah '*supporting governance*' yang merangkumi '*upskilling*' dan menyediakan '*empowered and digitally ready workforce*' untuk para pekerja tempatan. Saya penuh percaya, anak-anak muda kita di negara ini akan dapat menyahut cabaran ini dengan jayanya.
9. Adalah difahamkan bahawa *Local Business Development (LBD) Framework* yang sedang diusahakan oleh pihak Kementerian ini pada masa ini dalam meningkatkan kapasiti pembangunan industri pembinaan di negara ini, termasuk keperluan bagi menyediakan pekerja-pekerja tempatan yang mahir di bidang teknikal atau *trade and skills*. Oleh itu, adalah mustahak bagi *LBD Circular* yang berjalan pada masa ini perlu di kemaskinikan dan di *review* sepenuhnya, sebelum memperkenalkan *LBD Directive* yang akan dilancarkan sedikit masa lagi.
10. Saya juga difahamkan bahawa beberapa sesi permuzakarahan telah dijalankan bersama dengan konsultan-konsultan dan syarikat-syarikat sebagai satu pendekatan awal memperkenalkan program-program tertentu seperti *Competency, Health Safety and Environment*, bagi memberikan kemahiran dan kecekapan khusus didalam industri pembinaan agar dapat menyediakan latihan-latihan yang diperlukan oleh graduan-graduan tempatan kita. Dengan adanya program-program itu nanti, diharapkan graduan-graduan yang berminat di dalam industri pembinaan tidak akan melepaskan peluang bagi mengikuti latihan-latihan yang disediakan.

11. Saya berharap dengan adanya usaha kerjasama yang berterusan ini akan melahirkan pekerja-pekerja yang terlatih dan berpotensi bagi pembangunan kapisiti manusia dalam memastikan visi dan misi Kementerian Pembangunan dan Wawasan Brunei 2035 tercapai.
12. Dikesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pendidikan khususnya Politeknik Brunei, para konsultan-konsultan dan syarikat-syarikat tempatan atas bimbingan dan sokongan padu yang diberikan secara berterusan kepada para pelatih program ini. Terima kasih ini juga diucapkan kepada agensi-agensi kerajaan yang lain dan semua pihak-pihak yang terlibat dalam sama-sama menjayakan pengendalian program ini yang telah menampakan hasil yang membanggakan.
13. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua para-para pelatih yang telah berjaya menamatkan latihan ARMECS pengambilan pertama pada pagi ini, semoga apa yang diperolehi dari program-program dan latehan-latehan ini akan dapat memberikan manfa'at dan dapat meningkatkan semangat untuk melaksanakan kerja-kerja yang akan diperolehi nanti. Dan Selamat Menyambut Bulan Ramadhan.

Sekian, Wabillahtaifiq wal hidayah, Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera.